

PM seru belia berusaha cari peluang kerja

ALUR SETAR, Ahad — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru kaum belia supaya berusaha mendapatkan peluang-peluang pekerjaan yang masih banyak di negara ini agar mereka tidak menganggur dan menjadi beban kepada keluarga.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa mereka tidak mungkin mendapat pekerjaan kalau hanya menunggu peluang datang tanpa daya usaha sendiri.

Di negara ini katanya, kerja-kerja kosong terutama di bidang binaan bangunan masih banyak tetapi disebabkan mereka enggan bekerja, tenaga pekerja luar terpaksa digunakan.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap kaum belia di negara ini sanggup menghadapi cabaran dan merebut peluang-peluang pekerjaan tanpa terlalu memilih.

Perdana Menteri berucap selepas majlis berbuka puasa dan sembahyang maghrib bersama penduduk-penduduk di masjid Kampung Tanjung dekat Jitra malam tadi. Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Bellau menasihatkan rakyat supaya mengurangkan kewangan mereka mengikut kemampuan masing-masing dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang.

"Walaupun menghadapi kemelesetan ekonomi, kita patut bersyukur kerana hidup kita lebih baik dibandingkan dengan empat juta orang yang sedang menghadapi kebuluran di banyak negara lain.

Bersyukur

"Peristiwa-peristiwa seperti ini patutlah menimbulkan insaf di hati kita," kata Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Ahli Parlimen Kubang Pasu.

Ini adalah kali kedua beliau kembali berbuka puasa bersama penduduk kawasannya tahun ini. Pada 25 Jun lalu beliau serta isterinya berbuka puasa di masjid Hosba, Jitra.

Bellau mengingatkan rakyat jangan menjadi umat yang tidak tahu bersyukur dan sentiasa bersungut apabila tidak mendapat projek atau kemudahan yang mereka kehendaki.

Katanya rakyat perlu sedar kerajaan perlu mengurangkan perbelanjaan di masa kemelesetan ekonomi ini.

"Insya Allah apabila kita mempunyai wang, kita akan melaksanakan projek-projek yang dirancang," katanya.

Katanya, kesan ekonomi negara akan menjadi buruk jika kerajaan membelanjakan wangnya sesuka hati tanpa mengikut kemampuannya.

"Biarlah kita ikat perut sedikit di masa kemelesetan ini supaya di masa depan kita tidak menghadapi masalah," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir menyeru umat Islam menguatkan disiplin dan persaudaraan mereka seperti yang dikehendaki oleh agama.

Siri

Penerima